

25/02/2003

Ucapan Dr M dapat pujian

UCAPAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tanpa berselindung mengkritik tindakan negara tertentu untuk 'menghalalkan' peperangan sebagai usaha penyelesaian, mendapat pujian pemimpin Pas.

Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali, yang hadir pada upacara perasmian NAM memuji ucapan lantang Perdana Menteri itu yang disifatkannya sebagai ucapan bernas dan meliputi semua isu penting dunia.

Mengenai kejayaan Malaysia sebagai tuan rumah NAM, beliau berkata, dari luar ia sememangnya kelihatan berjaya.

"Dalam seminar seperti ini seperti biasa mereka (tetamu luar) akan memuji," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Rais Yatim, berkata ucapan Dr Mahathir begitu mantap dan tegas, selari dengan usaha NAM untuk menyegarkan semula pergerakan yang dikatakan tidak lagi relevan di pentas dunia.

"Malaysia berjaya memulihkan semula imej NAM dan seperti yang diperkatakan Perdana Menteri, dunia harus menentang tindakan untuk menjadikan peperangan sebagai mekanisme penyelesaian konflik," katanya.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata ucapan Perdana Menteri mencerminkan kekecewaan anggota NAM akan kegagalan badan dunia seperti PBB dalam menangani kemelut dunia hari ini.

"Perdana Menteri hanya mengingatkan NAM bahawa mereka perlu bersatu dan memiliki pendirian tegas dalam menghadapi keadaan dunia yang semakin tidak menentu kerana badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kini semakin tidak berkesan dalam melaksanakan tugas mereka," katanya.

Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said pula berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana menyuarakan pandangan dengan jujur dan ikhlas, kerana tidak ramai pemimpin yang berani bersuara lantang terutama mengkritik kuasa besar dan badan dunia seperti PBB.

"Yang penting ia adalah suara Malaysia dan kita menyentuh mengenai isu yang memang menjadi realiti hari ini," katanya.

Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk Dr Anuar Zaini ketika ditemui kagum dengan keberanian Dr Mahathir menyampaikan pandangan mengenai isu penderitaan rakyat Palestin, keganasan dan Iraq tanpa berselindung.

Katanya, ucapan Perdana Menteri Malaysia itu juga dilihat sebagai ucapan yang seimbang kerana beliau bukan saja membuat teguran mengenai kezaliman yang berlaku malah pada masa yang sama menegur kelemahan negara membangun.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, berkata saranan supaya NAM berjuang mengharamkan peperangan perlu disokong tetapi yang menjadi persoalannya ialah sejauh mana ia mampu dianggap sebagai realistik.

"Ada anggota NAM sendiri yang pernah berperang. Sejarah dunia menunjukkan pelbagai usaha dijalankan untuk mengharamkan peperangan tetapi satu pun tidak berjaya.

"Anggota NAM sendiri seperti Pakistan, India dan Korea Utara perlu memulakan langkah ini dengan tidak lagi memajukan senjata nuklear masing-masing. Saranan ini sepatutnya dimulakan negara anggota NAM terlebih dulu," katanya ketika dihubungi.